

Umum Calon Lebih Awal Di Kawasan Kalah Beri Impak Positif Kepada BN - Ahmad Maslan
Bername
03 November, 2012

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Tindakan mengumumkan calon lebih awal bagi 82 kawasan Parlimen yang kalah pada pilihan raya umum 2008 mampu memberi impak positif kepada Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang, kata Datuk Ahmad Maslan.

Ketua Publisiti dan Penerangan BN itu berkata pengumuman calon lebih awal dapat memperkenalkan sebaiknya calon kepada penduduk di Parlimen itu seterusnya memberi lebih masa kepada penduduk mengenali calon BN di kawasan itu.

"Bagaimanapun cadangan menamakan calon lebih awal belum dibincangkan dalam mesyuarat tertinggi BN atau Umno setakat ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan francais Shahnaz Husain Signature Salon di Malaysia di sini, Sabtu. Turut hadir Pesuruhjaya Tinggi India ke Malaysia, Vijay K Gokhale dan pengasas syarikat itu Shahnaz Husain.

Shahnaz Husain Signature Salon merupakan francais menjual produk kecantikan serta kesihatan berasaskan ayurveda dan menggunakan bahan berasaskan herba. Francais yang dari India itu kini mempunyai lebih 800 outlet di seluruh dunia.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=706824>